Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
Bil 44: 2 November 2026

Pensyarah UPSI raih Anugerah Pengajaran AAN Ke-17

Klang, 30 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukuhkan reputasinya dalam bidang pendidikan apabila pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Prof Madya Dr. Saipolbarin Ramli, meraih Anugerah Pengajaran (Kelompok Sastera dan Sains Sosial) pada Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) Ke-17, semalam. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, kejayaan itu mencerminkan kecemerlangan inovasi pengajaran yang dibangunkan oleh warga akademik universiti berkenaan, khususnya dalam memperkasa pedagogi bahasa Arab menerusi pendekatan pembelajaran yang sistematik dan berpusatkan pelajar. Beliau berkata, pembangunan SMART-5 Station Learning Model (SMART-5 SLM) oleh Saipolbarin merupakan antara usaha inovatif yang mengintegrasikan pelbagai kaedah pengajaran dalam satu kerangka pembelajaran berorientasikan penguasaan. “SMART-5 SLM membimbing pelajar secara berperingkat, bermula daripada penguasaan asas sehingga kepada pelaksanaan amalan pengajaran dan perkongsian hasil pembelajaran.

“Pendekatan ini turut menekankan bimbingan berterusan, maklum balas dan peluang untuk pelajar memperbaiki kelemahan sebelum bergerak ke tahap pembelajaran seterusnya, sekali gus membantu melahirkan bakal guru yang lebih kompeten dan yakin dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan,” katanya ketika ditemui pada majlis berkenaan. SMART-5 SLM dibangunkan bagi kursus Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Arab dengan matlamat meningkatkan keupayaan bakal guru dalam merancang, melaksanakan dan menilai pengajaran, selain membuat refleksi bagi tujuan penambahbaikan berterusan. Model itu merangkumi lima stesen pembelajaran, iaitu Foundation, Guided Mastery, Competency Development, Professional Practice dan Showcase, yang membimbing pelajar daripada pembinaan asas pengetahuan kepada pengembangan kompetensi, amalan pengajaran dan perkongsian hasil pembelajaran. Pendekatan berkenaan turut berteraskan falsafah HIDUP yang menekankan penghayatan ilmu, perkongsian pengetahuan, dialog bermakna, usaha berterusan dan perjalanan pembelajaran bersama, selaras dengan semangat “Yallah Namsyi Ma’an” yang bermaksud “mari kita melangkah bersama”.

Inovasi itu dibangunkan berdasarkan keperluan menangani cabaran pelajar yang telah lama mempelajari bahasa Arab tetapi masih kurang yakin menggunakannya. Sehubungan itu, pelbagai bahan dan aktiviti pembelajaran berkaitan kosa kata, tatabahasa, sebutan dan kemahiran berbahasa disepadukan dengan sokongan teknologi digital. Menurut Md Amin, sepanjang 2014 hingga 2025, inovasi pengajaran Saipolbarin memperoleh 25 pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, merangkumi 20 pengiktirafan antarabangsa serta lima kebangsaan, dengan keseluruhan 16 pingat emas, tujuh perak dan dua gangsa. “Beliau sebelum ini turut menerima beberapa pengiktirafan di peringkat universiti, termasuk Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kategori Sastera dan Sains Sosial, Anugerah Inovasi Pengajaran Transformatif, Anugerah Pembelajaran Imersif Bersemuka dan Anugerah Penasihatan Akademik menerusi Anugerah Akademia Bitara (AKIRA) pada tahun 2023 hingga 2026. Selain itu, beliau turut menerima Anugerah Inovasi PdP bagi Kategori Inovasi Output Bahan Bantu Mengajar dalam Anugerah BITARA UPSI pada 2018,” katanya. Kejayaan pada AAN Ke-17 itu melayakkan Saipolbarin menerima hadiah wang tunai RM50,000 berserta sebuah trofi dan sijil penghargaan rasmi yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.





Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University
Bil 44: 2 November 2026



UA-ICE 4.0 Himpun 93 Penyertaan Empat Negara, Pencarian Ikon Ulul Albab Malaysia 8.0 Serlah Potensi Generasi Muda

Tanjong Malim, 30 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh peranannya dalam pembangunan pendidikan holistik dan inovasi berteraskan nilai menerusi penganjuran *Ulul Albab Innovation Competition and Exhibition* (UA-ICE 4.0) serta Misi Pencarian Ikon Ulul Albab Malaysia 8.0 yang berlangsung di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Kumpulan AIMT-MR dari Politeknik Banting dinobatkan sebagai penerima Anugerah Terbaik Keseluruhan UA-ICE 4.0, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan menghasilkan inovasi yang menepati aspirasi pendidikan berteraskan model Ulul Albab.

Penganjuran UA-ICE 4.0 berjaya menghimpunkan 93 penyertaan dari empat negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand, dengan 85 penyertaan secara bersemuka dan lapan secara dalam talian. Penyertaan melibatkan tiga kategori utama, iaitu pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) serta ahli akademik dan penyelidik, sekali gus membuka ruang kepada perkongsian idea, kepakaran dan pengalaman dalam memperluas jaringan inovasi di peringkat antarabangsa.

Majlis perasmian serta penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (HEP & A) UPSI, Profesor Dr. Norkhalid Salimin.

Menurut Pengarah Pusat Ulul Albab UPSI, Dr. Sakinah Salleh, Pencarian IKON Ulul Albab 8.0 merupakan kesinambungan usaha melahirkan generasi pelapis yang mampu mengembalikan kegemilangan tamadun Islam melalui penguasaan ilmu, penghayatan wahyu, penyelidikan, inovasi dan akhlak.

Majlis Penutupan Program Keusahawanan University to Community (UTC) 3.0

Tanjong Malim, 31 Oktober - Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir menyempurnakan Majlis Penutupan Program Keusahawanan *University to Community* (UTC) 3.0 yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). UPSI selaku penyelaras program keusahawanan peringkat nasional itu menerusi Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE) berjaya menghimpunkan penyertaan daripada 18 universiti awam, dua wakil Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti serta seorang wakil universiti swasta.

Sejak dilaksanakan pada November 2025, UTC 3.0 melibatkan seramai 420 mahasiswa dan berjaya melahirkan 21 syarikat perusahaan sosial yang memberi manfaat kepada komuniti menerusi latihan kemahiran, pembangunan produk serta pemasaran.

Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk latihan penternakan larva lalat askar hitam bagi pemprosesan baja frass, pembangunan produk bersama murid berkeperluan pendidikan khas serta bimbingan keusahawanan kepada ibu tunggal dan komuniti Orang Asli. Sehingga Oktober 2026, pasukan UTC 3.0 berjaya menjana pendapatan sebanyak RM250,000, manakala keseluruhan program UTC yang diperkenalkan sejak 2020 mencatatkan penjanaan melebihi RM1.5 juta.





Koir deVokalis UPSI gegar Korea, juara dua kategori

Busan, 28 Oktober - Kumpulan koir deVokalis Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengharumkan nama negara apabila muncul juara kategori Pop dan A Cappella pada *Busan Choral Festival & Competition 2026* di Busan Cinema Centre, Korea Selatan, baru-baru ini.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, kejayaan itu turut menyaksikan deVokalis meraih *Gold Diploma Award* dalam kategori Pop dan A Cappella serta Ethnic & Traditional, sekali gus membuktikan kemampuan bakat seni suara universiti tempatan bersaing di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, pertandingan anjuran Korea Choral Institute itu berlangsung selama empat hari dan menghimpunkan kumpulan koir dari lima negara, iaitu Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Malaysia dan Burundi.

"Pasukan deVokalis UPSI yang dianggotai 22 orang, terdiri daripada 19 pelajar dan tiga staf pengiring, turut berentap dengan tiga kumpulan lain di peringkat akhir bagi merebut gelaran juara. "Kemenangan dalam kategori Pop & A Cappella melayakkan pasukan itu menerima trofi, sijil pencapaian serta wang tunai berjumlah lima juta won Korea Selatan (kira-kira RM17,000)," katanya dalam satu kenyataan.

Md Amin berkata, kejayaan itu mencerminkan komitmen universiti dalam membangunkan potensi pelajar secara holistik, khususnya menerusi penglibatan dalam bidang seni, budaya dan aktiviti kokurikulum yang mampu membentuk keyakinan diri serta kemahiran insaniah.

"Pengiktirafan di pentas antarabangsa ini membuktikan bahawa pelajar UPSI mempunyai bakat, disiplin dan keupayaan untuk bersaing dengan peserta dari negara lain.

"Kejayaan ini juga menjadi kebanggaan universiti dan negara, selain memperlihatkan kepentingan sokongan berterusan terhadap pembangunan bakat seni dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Kejayaan itu hadir selepas deVokalis menjalani persiapan selama kira-kira lapan bulan, bermula Mac hingga Oktober 2026, menerusi latihan intensif di bawah bimbingan Lilis Syafiza Mohd Yatim selaku konduktor dan jurulatih utama, manakala Muhamad Zulfeka Nasrun bertanggungjawab sebagai pengurus latihan. Md Amin berkata, pasukan itu turut menerima bimbingan daripada Profesor Adjung Tersohor Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) UPSI, Datuk Syafinaz Selamat, menerusi dua sesi latihan intensif sebelum berlepas ke Korea Selatan.

Mengulas perancangan penggunaan wang kemenangan, beliau berkata sebahagian dana akan diagihkan sebagai saguhati kepada pelajar atas usaha dan komitmen mereka, manakala sebahagian besar lagi disalurkan ke tabung pembangunan pasukan.

"Dana itu akan digunakan untuk membiayai program peningkatan kemahiran, termasuk bengkel latihan, selain menampung kos persediaan dan penyertaan dalam pertandingan serta persembahan pada masa hadapan," katanya.



Farah Mohd Nor, Johan Kalam Daie Intervarsity 2026, Harumkan Nama UPSI



Perhimpunan Bulanan Pelajar FSSK Bersama Naib Canselor



UPSI Perluas Kerjasama Strategik Agensi Luar: Sinergi Kepakaran & Penjanaan Pendapatan Menerusi KFBDS



Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UPSI Sidang 2026/2027